



**PEMAKLUMAN PELANTIKAN
YBHG. DATO' IDRIS BIN LASIM
SEBAGAI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF FELCRA BERHAD**

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Merujuk surat daripada Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] berkenaan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad baharu rujukan MOF.GIC(S)600-43/2/43 Jld.4 (12) bertarikh 6 Disember 2023, Mesyuarat Lembaga Pengarah melalui Resolusi Pekeliling Lembaga Pengarah Bil. 9/2023 yang telah diluluskan pada 7 Disember 2023 selaras dengan Klausula 115 Perlembagaan Syarikat telah bersetuju untuk melantik YBhg. Dato' Idris bin Lasim sebagai Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad bagi tempoh dua (2) tahun berkuat kuasa serta-merta.

3. Pengurusan FELCRA Berhad mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan YBhg. Dato' Idris bin Lasim sebagai Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad yang baharu. Dengan pelantikan ini juga, Pengurusan FELCRA Berhad mengharapkan sokongan dan kerjasama yang berterusan daripada semua kakitangan FELCRA Berhad dan Anak Syarikat FELCRA Berhad khususnya, dalam usaha untuk meningkatkan imej dan peranan FELCRA Berhad sebagai salah sebuah pemangkin pembangunan luar bandar utama di Malaysia.

Sekian untuk makluman. Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PEMACUAN PRESTASI – RESPONSIF – INTEGRITI – DISIPLIN – ETIKA”

**PENGURUS BESAR KUMPULAN KHIDMAT PENGURUSAN
FELCRA BERHAD
7 DISEMBER 2023**